

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 09 April 2017 16:10
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Perlu Kolaborasi Pelbagai Pihak



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 APRIL 2017 / 12 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhammad Hasif Ismail

PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR PERLU KOLABORASI PELBAGAI PIHAK



UUM ONLINE: Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan syarahan bertajuk "Towards A Student Centered Approach To Learning: Collaborative Assignment," di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen hari ini.

Syarahan ini disampaikan oleh Dr. Mohammad Tazli Azizan, Ketua Centre for Excellence in Teaching & Learning (CETaL), Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Beliau telah berkongsi ilmu mengenai keperluan untuk mentransformasi pendekatan pembelajaran konvensional kepada pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student centered*) yang dilihat penting dalam usaha untuk melibatkan dan mendekatkan diri dengan generasi masa kini, selaras dengan Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu ke arah melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan.

Tambahnya, pendekatan itu juga adalah untuk mentransformasi guru ke arah menjadi pendidik terpelajar dan pelajar memperoleh kemahiran berfikir aras tinggi, mempunyai keupayaan menyelesaikan masalah kompleks serta memperkasa kemahiran kerja berpasukan sesama mereka.

Selain itu, beliau turut berkongsi mengenai CETaL UTP yang ditubuhkan untuk merealisasikan hasrat tersebut di mana salah satu agendanya adalah menggalakkan penggunaan pendekatan pedagogi yang berbeza seperti pembelajaran aktif, pembelajaran berasaskan masalah, penggunaan kaedah *flipped classroom* dan memperkenalkan pelbagai kaedah penilaian pelajar.

Beliau juga menekankan bahawa untuk bergerak ke arah hasrat itu memerlukan kolaborasi sinergi daripada semua pihak dan para pendidik perlu lebih inovatif untuk bersama-sama melakukan perubahan tersebut.

Hadir sama Pengarah UTLC, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim dan pegawai-pegawai UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.